



Ruj. Kami : KKM87/A9/7/277 JLD 2 (37)
Tarikh : 30 Januari 2018

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

PERJANJIAN ANTARA PEMEGANG PERAKUAN PENDAFTARAN DAN PEMEGANG LESEN KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA DENGAN ORGANISASI JAGAAN YANG DIURUS

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Seperti sedia maklum kerjasama antara pengamal perubatan am swasta dan Organisasi Jagaan Yang Diurus (*MCO*) adalah penting bagi memastikan pesakit mendapat rawatan yang sewajarnya. Namun begitu dalam berurusan dengan pihak *MCO*, pengamal perubatan am swasta diingatkan agar sentiasa memastikan perjanjian yang dipersetujui bersama mana-mana *MCO* hendaklah tidak bertentangan dengan mana-mana undang-undang serta kod etika pengamal perubatan.

3. Pada mesyuarat yang diadakan bersama Persatuan-Persatuan Profesional Perubatan dan *MCO* yang telah dipengerusikan oleh YB Menteri Kesihatan pada 24 Julai 2017, YB Menteri Kesihatan telah menyarankan agar:

- 3.1. Pengamal-pengamal perubatan am swasta tidak menandatangani kontrak yang mengandungi unsur-unsur pembahagian fi atau *fee splitting* dengan mana-mana *MCO*;

(Pembahagian fi atau *fee-splitting* bererti apa-apa bentuk sogokan atau perkiraan yang dibuat di antara pengamal, kemudahan jagaan kesihatan, organisasi atau individu sebagai dorongan untuk merujuk atau menerima pesakit kepada atau daripada pengamal, kemudahan jagaan kesihatan, organisasi atau individu lain. Ini juga merangkumi di antara lain seperti fi administratif, fi perkhidmatan, fi tahunan dan fi pendaftaran)

- 3.2. Perkiraan yang dibuat di antara pengamal-pengamal perubatan am swasta dengan mana-mana *MCO* hendaklah bukan dalam bentuk paksaan dan perlulah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak serta tidak ada unsur-unsur pengabaian atau bertentangan dengan profesionalisme dan kod etika pengamal perubatan; dan

3.3. Perjanjian yang ditandatangani antara pengamal-pengamal perubatan am swasta dengan mana-mana MCO hendaklah berpandukan Jadual Fi Ke-Tujuh, Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta atau Klinik Pergigian Swasta) 2006 atau mana-mana pindaan ke atas jadual fi tersebut yang dikuatkuasakan dari semasa ke semasa.

4. YB Menteri Kesihatan juga menyarankan kepada pengamal-pengamal perubatan am swasta agar menandatangani perjanjian bersama MCO yang telah berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Mana-mana MCO yang telah berdaftar dengan KKM adalah disenaraikan dalam Senarai Daftar MCO yang disenggarakan di bawah arahan Ketua Pengarah Kesihatan seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 86, Akta 586 (seperti yang dilampirkan bersama).

5. Adalah diminta agar semua pemegang perakuan pendaftaran dan pemegang lesen kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta agar mematuhi saranan dan peringatan di atas berdasarkan kepada peruntukan di bawah Bahagian XV, Akta 586.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang Uhhlas,


(DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH)

s.k. YBhg. Datuk Dr. Jeyaindran Tan Sri Sinnadurai
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia